



### Universiti Sydney Juara Debat GEMS WUPID09



Timothy Mooney(kiri) dan Bronwyn Cowell(kanan) gembira mengharumkan nama universiti Sydney di mata dunia .

**SERDANG, 24 Disember** – Kumpulan 2 dari Universiti Sydney telah memenangi juara debat Graduate Employability Management Scheme (GEMS) World Universities Peace Invitational Debate (WUPID) 2009 yang telah diadakan di Panggung Percubaan Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam.

Terdiri daripada dua ahli kumpulan, Timothy Mooney dan Bronwyn Cowell memperbahaskan debat mereka yang bertajuk 'This House Believes that Regime Change is Justified Only by Invasion' menentang kumpulan Universiti Ateneo de Manila dari Filipina.

Timothy berkata kemenangan mereka adalah hasil daripada pengalaman dalam pertandingan lalu menjadikan mereka lebih berusaha untuk berjaya di dalam pertandingan ini.



Bronwyn Cowell(kanan) tidak beri peluang kepada lawannya ketika berdebat tentang keamanan dunia.

"Kami amat terharu kerana hasil usaha gigih selama ini berbaloi dengan kemenangan yang telah diperolehi," katanya lagi selepas masing-masing membawa wang tunai berjumlah RM7,000.

Universiti Sydney yang dahulunya menjadi juara pada tahun 2007 berjaya merampas kembali takhta dari Universiti Monash yang pernah memenangi juara pada tahun 2008.

Turut hadir Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi, Dato Saifuddin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Datin Paduka Prof. Aini

Ideris, dan ketua hakim GEMS WUPID, Dr. Omar Salahuddin Abdullah.

Speaker terbaik telah dimenangi oleh Steven Hind dari Universiti Sydney yang sebelum ini dimenangi oleh Tim Mooney juga daripada universiti yang sama.



Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi, Dato Saifuddin Abdullah bergambar bersama peserta dan penganjur pertandingan berprestij itu.

H&G Strategic Communications dan UPM menjadi tuan rumah GEMS WUPID09 yang disertai oleh pasukan pendebat dari 30 buah institusi dari seluruh dunia.

GEMS, yang juga dikenali sebagai Graduate Employability Management Scheme menyokong usaha untuk mempromosikan keamanan dan intelek dalam berhujah antara mahasiswa sedunia.



Pemenang dan Tetamu VIP ditemuramah oleh wartawan dalam sidang media semalam.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.